

**BN Ketengahkan Wanita Dalam Politik Sarawak
Bernama
12 April, 2013**

KUCHING, 12 April (Bernama) --Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) akan menyetengahkan seorang lagi calon wanita dalam pilihan raya umum ke-13 nanti sebagai tambahan kepada tiga wakil rakyat wanita yang sedia ada daripada parti itu.

PBB dikatakan bakal menyetengahkan calon wanita keempat bagi kerusi Kota Samarahan yang sebelum ini disandang Datuk Seri Sulaiman Abdul Rahman Taib, anak lelaki bongsu presiden PBB Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Khabar angin bertiup kencang bahawa kerusi Kota Samarahan mungkin dipertanggungjawabkan kepada pegawai daerah Asajaya Rubiah Wang sebagai calon.

Rubiah dianggap mempunyai elemen 'boleh menang' memandangkan beliau seorang anak tempatan dan rekod perkhidmatannya dilihat sebagai satu kelebihan memandangkan beliau biasa benar dengan masalah serta keperluan penduduk di kawasan itu.

Satu lagi nama yang disebut-sebut ialah anak perempuan Taib, Datin Hanifah Taib-Alsree yang terlibat dalam kerja kebajikan di akar umbi atas sifatnya sebagai pengerusi Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Sarawak.

Pada pilihan raya umum 2008, Barisan Nasional (BN) membariskan tiga calon wanita -- Datuk Rohani Abdul Karim dan muka baharu Nancy Shukri serta Datuk Norah Abdul Rahman -- kesemuanya menang di kawasan masing-masing.

Diketengahkan oleh PBB iaitu tunjang BN negeri, tiga serangkai ini juga kumpulan tunggal anggota parlimen wanita dari Sarawak.

Awal minggu ini Taib mengumumkan PBB akan mengekalkan taruhannya dengan bertanding 14 kerusi dan menyetengahkan seorang lagi calon wanita selain mengekalkan penyandang sedia ada.

Memandangkan Sarawak telahpun mengadakan pilihan raya negerinya, kesemua 31 kerusi parlimen akan menyaksikan PBB bertanding bagi 14 kerusi, SUPP (tujuh), Parti Rakyat Sarawak (PRS - enam) dan Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP - empat).

Pada 2008, BN Sarawak menang 30 daripada 31 kerusi. Pembangkang pula tidak mengemukakan calon wanita.

Teka-teki masih timbul sama ada Rohani, yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan di peringkat persekutuan, akan bertanding di kawasan parlimen Batang Lupar atau kembali ke Santubong yang dimenanginya tiga kali sebelum itu.

Nancy Shukri mencatat kemenangan sulungnya di Batang Sadong manakala Datuk Norah Abdul Rahman, anak perempuan bekas Ketua Menteri dan Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Abdul Rahman Yakub, menang tanpa bertanding di Tanjung Manis.

Sementara itu SPDP, sebuah lagi parti komponen BN negeri, juga dikatakan sedang

menimbangkan cadangan untuk meletakkan seorang calon wanita.

Ahli politik setempat memperkatakan tentang Barbara Mawan, anak perempuan presiden SPDP Tan Sri William Mawan, untuk dicalonkan di Saratok namun ada pendapat mengatakan bahawa bapa beliau mungkin bertanding di kawasan itu menentang Ali Biju dari PKR.

Pada pilihan raya negeri 2011, Ali mengalahkan timbalan presiden SPDP Datuk Peter Nyarok di Krian.

Mawan sebelum ini berkata beliau sedia bertanding di Saratok jika perkara itu diputuskan oleh kepimpinan tertinggi BN.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=941589>